

T. Tangan

Hakmilik

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
(Perpustakaan Kuala Lumpur Ibu Pejabat)

Berita Bandaraya

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

Bahagian Perhubungan Antarabangsa

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Y. Bhg. Datuk Mohamad Shaid bin Mohd. Taufek, dalam lawatannya ke bandar raya-bandaraya berkembar telah membuat keputusan agar Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menubuhkan Bahagian Perhubungan Antarabangsa yang akan menguruskan segala aktiviti dan program yang dijalankan antara bandar raya-bandaraya ini. Antara fungsi Bahagian Perhubungan Antarabangsa ini ialah:

1. Meningkatkan pelaburan bandar raya lain ke Kuala Lumpur.
2. Bekerjasama dalam sektor swasta antara bandar raya (joint venture).

3. Menggunakan platform bandaraya berkembar untuk meningkatkan industri pelancongan.

4. Mempelajari sesetengah aspek berkaitan bandaraya berkembar di mana perlu dan sesuai.

Peniaga-peniaga Casablanca akan mengunjungi Kuala Lumpur antara Jun/ Julai. Usahawan Malaysia digalakkan untuk mengambil kesempatan sewaktu peniaga-peniaga ini berada di Kuala Lumpur.

Datuk Bandar Kuala Lumpur juga mengumumkan bahawa Casablanca juga akan

mengadakan mini festival berkaitan kebudayaan dan makanan, pastinya ramai pelancong dari Amerika dan Eropah akan mengunjungi Casablanca. Kuala Lumpur perlu mengambil kesempatan ini dan bergerak cergas untuk meningkatkan industri pelancongan dengan menjadikan mini festival di Casablanca sebagai 'gateway' untuk menarik lebih ramai pelancong datang ke Malaysia.



Unit Pengurusan Pembangunan Kawasan

DBKL akan mewujudkan lapan (8) Unit Pengurusan Pembangunan Kawasan untuk sepuluh (10) kawasan Parlimen selewat-lewatnya Julai ini.

Unit-unit tersebut ialah Kepong, Batu Wangi, Malju, Pantai & Seberang, Bandar Tun Razak & Cheras, Segambut (termasuk Taman Tun Ismail), Pusat Bandar dan Mutiara.

Fungsi unit-unit ini ialah:

1. Bertanggungjawab dalam semua pembangunan di kawasan berkaitan.
2. Sebagai tempat mengambil maklum balas wakil rakyat.
3. Memastikan perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai berjalan dengan baik.
4. Sebagai pusat untuk memberi penjelasan berkaitan dasar-dasar DBKL.

Datuk Bandar Kuala Lumpur akan memanggil pegawai-pegawai yang ditugaskan di setiap unit pada bila-bila masa untuk memantau sebarang masalah. Buat sementara waktu, unit-unit ini ditempatkan di Pejabat-pejabat Cawangan.



Rencana Pengarang

Golongan remaja merupakan aset negara yang terpenting pada masa hadapan. Golongan ini bakal mengambil alih semua lapangan dan kegiatan yang sedang di teraju oleh golongan yang lebih dewasa sekarang.

Justeru itu, bagi melengkapkan diri dengan peranan dan cabaran yang lebih kompleks pada masa akan datang, para remaja perlulah menimba ilmu pengetahuan secukupnya, memantapkan jadi diri, mempunyai akhlak dan sahsiah yang luhur serta bersedia menangani perubahan.

Tidak dapat dinafikan, golongan remaja sekarang sedang berhadapan dengan seribu satu macam unsur-unsur negatif yang boleh menjadi penghalang kepada pencapaian matlamat hidup yang cemerlang.

Sebagaimana yang dibuat oleh agensi kerajaan yang lain, DBKL turut merangka agenda dan melaksanakan program untuk pembangunan remaja. Antara lain, DBKL menyediakan kemudahan perpustakaan, program kemasyarakatan dan pendidikan melalui projek NADI, aktiviti sukan dan rekreasi, kegiatan seni dan kebudayaan disamping mengadakan kempen kesedaran sivik, kebersihan dan alam sekitar untuk golongan remaja dan orang ramai.

DBKL menggesa para remaja supaya menggunakan semua kemudahan dan peluang yang disediakan serta turut mengambil bahagian dalam aktiviti yang diadakan oleh DBKL dari semasa ke semasa.

Jabatan Kerja Awam
Tingkat 17, Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut
03-2699 3597

Jabatan Seni Taman & Kawalan Pembangunan Bandar
Tingkat 16, Menara Dato' Onn, PVTC
03-4045 3320

Direktorat Penguatkuasaan
Kaunter Bayaran, Tingkat Bawah Blok A,
Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.
03 - 4023 1133

Jabatan Perancang & Kawalan Bangunan
Tingkat 8, Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut.
03-2691 6011 samb. 3806/3868

Jabatan Pengangkutan Bandar
Tingkat 19 Menara Tun Razak, Jalan Raja Laut.
03 - 2691 0555

Jabatan Kesihatan
Tingkat 2, Bangunan Pentadbiran,
Km.4, Jalan Cheras.
03 - 9284 5166

Jabatan Pengurusan Penjaja & Perniagaan Kecil
Tingkat 4, Bangunan PKNS, Jalan Raja Laut.
03 - 2698 6989

Jabatan Pelesenan
Tingkat Bawah, Bangunan Bank Utama
56, Jalan Tuanku Abdul Rahman.
03 - 2698 6177 samb. 100

Jabatan Pengurusan Perumahan
Tingkat Bawah,
No. 12, , Jalan Tuanku Abdul Rahman.
03 - 2691 2112

Jabatan Saliran & Pengurusan Sungai
Tingkat 15, Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut.
03 - 2691 6011

Hotline DBKL
03-4022 0033
(Banjir, lemas, tanah runtuh, jalan berlubang)
03-9284 3636/9284 3434
(Binatang berbisa, pokok tumbang)

Talian Aduan Awam
Bhg. Hal Ehwal Awam
03-2699 3852

Hari Mesra Pelanggan
(Sabtu Minggu 2 & 4 setiap bulan)
9.00 pagi - 12 tengahari

Pegawai Bertugas
Muhamad Bin Wahab **Tel : 03-2697 7097**

Penasihat
Halimah Halijah Binti Othman
Ketua Editor
Muhammad Bin Hj. Mohd. Zain
Editor
Sariffuddin Bin Ibrahim
Sub Editor
Hanim Binti Hj. Hashim
Suriyana Binti Ismail

Jurufoto
Mubarak Bin Mohd. Alan
Abd. Khani Bin Md. Shohor
Md. Ismail Bin Isnin
Cetakan
Unit Repografi
Jabatan Pengurusan Organisasi
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Alamat Editor
Berita Bandaraya
Bahagian Hal Ehwal Awam
Jabatan Pengurusan Organisasi
Tingkat 5, Bangunan DBKL
Atau berhubung dengan
Suriyana Binti Ismail
Tel: 03-2691 6011 samb. 3851
Faks : 03-2694 1373
E-mel : akhbar@dbkl.gov.my

BANDAR RAYA BERKEMBAR



Datuk Bandar Kuala Lumpur bersama-sama dengan Datuk Bandar Ankara, H.E. Melih Gokcek

Datuk Bandar Kuala Lumpur telah menghadiri Persidangan Datuk Bandar Negara-Negara Islam pada 14-28 April 2002 di Madinah, berkesempatan melawat ibu negara negara Timur Tengah seperti Dubai, Ankara, Casablanca dan Istanbul. Ankara dan Casablanca merupakan bandar raya berkembar dengan Kuala Lumpur.

Setelah melawat dan berjumpa dengan Datuk Bandar bandar raya-bandar raya berkenaan, Datuk Bandar Kuala Lumpur mendapati bahawa banyak program yang boleh dilaksanakan bersama-sama supaya erti kata bandar berkembar lebih bermakna dan mengeratkan lagi hubungan kedua-dua bandar raya.

Lanjutan itu, Datuk Bandar Kuala Lumpur akan memperkukuh Bahagian Perhubungan Antarabangsa untuk menguruskan program dan aktiviti berkaitan dengan bandar raya berkembar.

Penarafa MS ISO 9000

Kejayaan DBKL mencapai penarafan MS ISO 9002 adalah hasil daripada kerja berpasukan dan dedikasi semua peringkat pegawai dan kakitangan dalam melaksanakan Sistem Kualiti MS ISO 9000. Kejayaan ini juga adalah hasil komitmen pihak Pengurusan Tertinggi terhadap usaha-usaha untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan melalui Sistem Kualiti MS ISO 9000.

Sebagai sebuah organisasi yang besar, Pentadbiran DBKL telah memilih lima (5) jabatan sahaja pada peringkat awal untuk mendokumenkan Proses Utama masing-masing sebagai Sistem Kualiti jabatan bagi mencapai penarafan MS ISO 9000 dari Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

Dua jabatan iaitu Jabatan Perancang & Kawalan Bangunan dan Jabatan Kesihatan yang telah diluluskan pensijilan MS ISO 9002 pada 12 November 2002 oleh MAMPU bagi proses utama Kawalan Pembangunan dan Perkhidmatan Kesihatan Ibu Mengandung & Kanak-Kanak berasaskan kepada standard MS ISO 9002 : 1994.



Pengarah Jabatan Perancang & Kawalan Bangunan menerima sijil daripada Timbalan Ketua Pengarah, Pentadbiran & Perkhidmatan, Datuk Halijah Bt. Othman.

Pensijilan MS ISO 9002 ini adalah penting kerana pada masa kini, pelanggan mengharapkan produk yang mempunyai kualiti di samping perkhidmatan yang efisien dan baik.

Dengan terlaksananya Sistem Kualiti berasaskan standard MS ISO 9000, DBKL dapat memastikan komitmen dan penglibatan semua peringkat pegawai dan kakitangan bagi jabatan-jabatan yang mencapai penarafan ini menghasilkan kualiti perkhidmatan yang bermutu dan terkawal untuk pelanggannya.